



Rujukan Kami : AADK 100-2/2/1 (21)

Tarikh : 23 Ogos 2013

**Ketua Pengarang,
Harian Metro,**

Tuan/Puan,

**MAKLUMBALAS PERTANYAAN AWAM MENGENAI KES JENAYAH BERPUNCA
DARIPADA PENYALAHGUNAAN DADAH MELALUI AKHBAR HARIAN METRO
23 OGOS 2013 DALAM RUANGAN SETEMPAT M/S 25A.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada aduan yang dikemukakan oleh BAPAKCHEMAT703 [IMB82757] melalui akhbar Harian Metro bertarikh 23 Ogos 2013.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi aduan berkenaan:

Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan BAPAKCHEMAT703 mengenai masalah dadah dalam negara. Untuk makluman, melalui transformasi yang dilaksanakan dalam rawatan dan pemulihan dadah, AADK telah memperkenalkan Klinik Cure & Care 1Malaysia. Ia adalah perkhidmatan yang disediakan kepada mereka yang terlibat dengan penagihan dan ingin mendapatkan rawatan dan pemulihan secara sukarela. Selain itu keunikan klinik ini ialah rawatan yang disediakan adalah secara klinikal disamping ia adalah percuma dan tiada sebarang prayarat serta tindakan undang-undang. AADK dalam melaksanakan program-program dalam komuniti telah menyediakan kemudahan prasarana yang khusus untuk mengendalikan program pemulihan dalam komuniti seperti Cure & Care Service Center (CCSC) dan Caring Community House (CCH). CCSC merupakan pusat khidmat yang memberi perkhidmatan rawatan dan pemulihan kepada mereka yang mempunyai masalah dadah dalam komuniti dengan menyediakan pakej jagaan harian dan residen. Sehingga kini terdapat 53 buah CCSC di seluruh negara. Selain daripada itu AADK juga telah mewujudkan 76 Caring Community House (CCH) yang beroperasi di dalam komuniti dan digerakkan oleh masyarakat setempat. CCH merupakan pusat aktiviti harian yang dikendalikan oleh ahli komuniti menyediakan perkhidmatan bimbingan, khidmat nasihat, sumber maklumat dan rujukan serta advokasi kepada masyarakat setempat yang

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA
MARILAH BERTINDAK SEGERA

*ERADICATING DRUG ABUSE IS OUR COLLECTIVE RESPONSIBILITY
LETS ACT NOW*



Certified to MS ISO 9001:2008
Cert. No.: KLR 6008765


mempunyai masalah dadah. Disamping itu dalam menyahut saranan YAB perdana Menteri Malaysia, AADK telah mewujudkan sukarelawan antidadah SKUAD 1Malaysia yang bertindak dan bergerak sebagai satu pasukan yang membantu pihak kerajaan khususnya AADK dalam menangani masalah dan ancaman dadah . SKUAD 1Malaysia bukan sahaja berperanan untuk memberi kesedaran dalam masyarakat mengenai bahaya dadah malah sebagai agen penggerak masyarakat untuk turut sama menangani masalah dadah melalui aktiviti home visit, program bersemuka, temu seru (outreach), khidmat nasihat selain aktiviti sukan dan rekreasi.

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KHIDMAT TANPA RASUAH"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD AMIR KHUSAIRI HARUN)

**b.p. Ketua Pengarah,
Agensi Antidadah Kebangsaan,
Kementerian Dalam Negeri**

Sk: - Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan